

Soalan-Soalan Lazim Tabung Kepimpinan Pemandiri

Tujuan tabung ini adalah untuk menyokong organisasi yang diketuai oleh pemandiri / orang yang mempunyai pengalaman hidup eksploitasi (termasuk pemerdagangan manusia, buruh paksa, buruh terikat, buruh kanak-kanak atau perkahwinan paksa). Organisasi yang diketuai oleh pemandiri yang berada di Thailand, Indonesia atau Malaysia dialu-alukan untuk memohon.

- **Siapa yang boleh memohon?**

Organisasi yang berdaftar (atau dalam proses pendaftaran) di Thailand, Indonesia atau Malaysia boleh memohon untuk pusingan ini. Untuk memohon, organisasi mesti mempunyai seorang atau lebih orang yang dikenal pasti sebagai pemandiri atau sebagai orang yang mempunyai pengalaman hidup eksploitasi terhadap kakitangan mereka dalam jawatan kepimpinan (cth. Pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif, pengurus kanan).

- **Berapakah jumlah geran yang diberikan kepada organisasi terpilih?**

Untuk pusingan pembiayaan ini, geran berharga hingga USD\$20,000 akan diberikan.

- **Apakah yang kita maksudkan apabila kita menyebut organisasi yang diketuai oleh pemandiri?**

Organisasi yang mempunyai pemandiri / orang yang mempunyai pengalaman hidup eksploitasi dalam jawatan kepimpinan kakitangan mereka. Seorang kakitangan berada dalam kedudukan kepimpinan jika mereka memegang jawatan kanan dalam organisasi dan mempunyai kuasa membuat keputusan mengenai strategi, aktiviti dan/atau kewangan organisasi. Ini boleh termasuk pengurusan kanan, pengarah, timbalan pengarah dan ketua jabatan.

- **Apakah yang kita maksudkan apabila kita menyebut pemandiri atau orang yang mempunyai "pengalaman hidup eksploitasi"?**

Untuk tujuan tabung ini, "pengalaman hidup eksploitasi" bermakna bahawa mereka telah tertakluk kepada buruh paksa, buruh terikat, pemerdagangan manusia atau perkahwinan paksa.

- **Apakah jenis organisasi yang boleh memohon?**

Tabung ini terutamanya bertujuan untuk organisasi bukan untung yang berusaha bagi menangani isu perhambaan moden, termasuk pemerdagangan manusia, buruh paksa, buruh terikat dan perkahwinan kanak-kanak. Kolektif pekerja atau perusahaan sosial yang

diketahui oleh pemandiri juga boleh dipertimbangkan. Organisasi berasaskan kepercayaan mungkin layak jika secocok dengan dasar Tabung Kebebasan.

- **Adakah geran ini bertujuan untuk menyokong pemandiri di organisasi saya atau organisasi secara keseluruhannya?**

Geran ini bertujuan untuk menyokong organisasi secara keseluruhan atau di mana sahaja organisasi yang memerlukan pembiayaan. Ini boleh menjadi operasi, rancangan, pembayaran pejabat, pembelian teknologi, dll. Ia tidak perlu menyokong pemandiri pada kakitangan.

- **Bolehkah organisasi saya memohon lebih daripada satu geran melalui tabung ini?**

Sebab tabung ini bertujuan untuk menyokong sebanyak mungkin organisasi, pada masa ini setiap organisasi hanya boleh memohon satu geran .

- **Adakah ini geran sekali sahaja atau bolehkah saya memohon semula pada tahun hadapan?**

Pada masa ini, tabung ini hanya untuk organisasi individu bagi geran sekali sahaja kepada organisasi individu, jadi anda tidak boleh memohon semula untuk pembiayaan selanjutnya.

- **Untuk apa saya boleh menggunakan geran ini?**

Geran ini tidak terhad – bermakna organisasi anda boleh menggunakan tabung untuk apa sahaja yang anda berfikir ini adalah terbaik untuk mencapai matlamat anda. Kami mempercayai bahawa anda sebagai sebuah organisasi perlu menggunakan wang di mana anda perlu.

- **Apakah pelaporan yang diperlukan untuk geran ini?**

Sifat tabung ini adalah untuk mengehendkan beban pentadbiran kepada penerima geran sebanyak mungkin, jadi pelaporan minimum adalah diperlukan.

Apa yang kami minta ialah selepas enam bulan, penerima geran perlu menghantar e-mel, surat, video atau nota suara kepada kami yang menerangkan bahawa mana tabung itu pergi dan bagaimana ia menyokong misi mereka.

- **Bolehkah saya memohon, jika organisasi saya tidak berada di Thailand, Indonesia atau Malaysia?**

Tidak, pusingan pembiayaan ini hanya untuk organisasi yang diketuai oleh pemandiri yang terletak di Thailand, Indonesia dan Malaysia. Kami menjangka untuk melancarkan pusingan pembiayaan masa hadapan di lokasi lain, jadi memerhatikan pada laman web kami untuk pengumuman.

- **Bolehkah saya memohon, jika organisasi saya tidak berada di Thailand, Indonesia atau Malaysia tetapi mempunyai program di sana?**

Tidak, tabung ini bertujuan untuk organisasi tempatan yang berpangkalan di Thailand, Indonesia atau Malaysia.

- **Organisasi saya tidak mempunyai kakitangan pemandiri, tetapi kami menyokong pemandiri melalui program kami. Bolehkah saya memohon?**

Tidak, matlamat tabung ini adalah untuk meningkatkan dan menyokong organisasi yang mempunyai pemandiri dalam peranan kepimpinan.

- **Adakah organisasi saya perlu didaftarkan?**

Organisasi anda tidak perlu mendaftarkan tetapi anda sepatutnya dapat menunjukkan bahawa organisasi anda sama ada dalam proses pendaftaran atau menunjukkan bukti niat bahawa organisasi akan berusaha untuk didaftarkan dalam masa yang terdekat.

- **Saya seorang pemandiri, tetapi saya bukan sebahagian daripada organisasi – bolehkah saya memohon sebagai individu?**

Malangnya, tabung ini adalah untuk menyokong organisasi, jadi kami tidak boleh membiayai individu yang tidak bekerja dan memegang jawatan kepimpinan di sesebuah organisasi.

- **Adakah pemandiri perlu menjadi orang yang mengisi dan menyerahkan permohonan kepada tabung ini?**

Tidak, sesiapa sahaja daripada sebuah organisasi boleh mengisi dan serah permohonan.

- **Saya tidak mempunyai akses yang boleh dipercayai kepada Internet yang berfungsi. Bolehkah saya menghantar permohonan di atas kertas atau melalui e-mel?**

Ya, sila e -mel SLF@freedomfund.org dan minta borang permohonan kertas. Kami akan bekerjasama dengan anda untuk memikirkan cara yang terbaik untuk mendapatkan borang permohonan kepada anda tepat pada masanya.

- **Bilakah saya boleh mengharapkan untuk mendengar daripada Tabung Kebebasan tentang permohonan saya?**

Jika anda telah berjaya menghantar permohonan anda sama ada dalam talian atau melalui e-mel pada tarikh akhir, kami harapkan pemohon akan dengar daripada kami dalam masa sebulan tentang permohonan mereka.